

BAB

LIMA

BAB LIMA

P E N U T U P

Setelah segala fakta dibentang, dibincang serta dianalisis secara ilmiah dalam bab-bab yang dikemukakan sebelum ini, maka dalam bab terakhir ini akan mengandungi kesimpulan dan saranan yang dikira perlu demi kebaikan Islam dan umatnya. Di sini penulis akan berusaha menarik beberapa kesimpulan yang dapat diambil daripada perbincangan terdahulu secara umum, kemudian mengemukakan beberapa saranan untuk kepentingan keilmuan pada masa mendatang.

A. KESIMPULAN

Tafsīr al-Nasafī yang dihasilkan oleh Abū al-Barakāt, ^cAbd Allāh bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī [m.751H] seorang ulama Hanafi yang terkenal dalam beberapa bidang ilmu iaitu *Fiqh*, *Uṣūl al-Fiqh*, *Uṣūl al-Dīn* dan *Tafsīr al-Qur'ān*. Tafsir ini antara karya tafsir yang sederhana, tidak panjang dan tidak pendek. Ia diringkaskan oleh pengarang daripada dua buah kitab tafsir sebelumnya iaitu kitab *al-Kasyyāf* ^can Ḥaqā'iq al-Tanzīl wa ^cUyūn al-Aqawī l fī wujūh al-Ta'wīl

oleh Abū al-Qāsim, Maḥmūd bin ^cUmar al-Khawārizmī al-Zamakhsyārī [m.538H] dan kitab *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl* oleh Abū al-Khayr, Nāṣir al-Dīn ^cAbd Allāh bin ^cUmar al-Bayḍāwī [m.691H]. Meskipun ia merupakan sebuah kitab ringkasan, namun atas kewibawaan dan kepakaran yang dimiliki Mufasir ini, maka ia tetap muncul sebagai sebuah tafsir yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan tersendiri.

Sementara *Tafsīr al-Jalālayn* adalah kitab tafsir yang dihasilkan oleh dua tokoh Mufasir terkenal iaitu Jalāl al-Dīn al-Mahallī [m.864H] dan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī [m. 911H]. Setelah al-Imām al-Mahallī yang memulai tulisan ini meninggal dunia, maka ia disempurnakan oleh al-Imām al-Suyūṭī sehingga selesai.

Daripada segi *manhajnya* kedua-dua tafsir ini boleh dikategorikan dalam kelompok *tafsīr bi al-Ra'y al-Jā'iz*, kerana ia tidak banyak terikat dengan metode *tafsīr bi al-Ma'thūr* sepenuhnya. Namun begitu, beberapa aspek utama dalam *tafsīr bi al-Ma'thūr* tidak diabaikan sama sekali, seperti aspek *asbāb al-nuzūl*, tafsir al-Qur'an dengan al-Hadīth.

Hasil daripada kajian ini juga mendapati bahawa kecenderungan ketiga-tiga Mufasir yang menghasilkan dua buah kitab ini adalah untuk melahirkan kitab tafsir yang ringkas dan pendek, tidak banyak menyentuh aspek-aspek sampingan secara lebih mendalam, seperti tata bahasa Arab, Qirā'at dan sebagainya. Hal yang demikian dilakukan berdasarkan keperluan dan tuntutan masyarakat Islam pada ketika itu kepada kitab tafsir yang tidak terlalu panjang menjemukan dan tidak pula terlalu pendek sehingga mencacatkan.

Sepanjang kajian ini pengkaji mendapati beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian serius oleh para pembaca dan perujuk kepada tafsir-tafsir ini antara lain adalah sebagai berikut:

- i. Berkenaan dengan hadith-hadith yang dinukilkkan pengarangnya ke dalam tafsir-tafsir ini dipersembahkan dalam bentuk yang amat ringkas. Kadang-kadang tidak disertai dengan nama seorang periyatpun. Hal yang demikian amat menyulitkan bagi pembaca untuk menentukan kedudukannya sama ada boleh diterima atau sebaliknya. Ada kalanya ia tidak menukilkan *matan* hadith berkenaan sepenuhnya.
- ii. Berkenaan dengan riwayat-riwayat yang berkaitan *asbāb al-nuzūl* juga kadang-kadang dikemukakan dengan lengkap dan kadang-kadang sebaliknya. Hal ini juga boleh menyebabkan tidak jelas maksud ayat berkenaan dan mengelirukan.
- iii. Terdapat kisah-kisah *Isrā'iliyyāt* walaupun tidak terlalu banyak daripada segi kuantitiya berbanding dengan sebahagian tafsir yang lain, namun ia tetap wujud dan tanpa diberi sebarang ingatan serta kritikan terutama apa yang terdapat di dalam *Tafsīr al-Jalālayn*.

Daripada aspek kajian perbandingan dapatlah dirumuskan sebagai berikut:

- i. Isu *Huruf al-Muqatta'ah*
 - a. al-Nasafi mentafsir sebahagian huruf-huruf *tahajji* dengan pelbagai pandangan akal dan meninggalkan sebahagian yang lain.
 - b. Al-Jalālayn sama sekali tidak mentafsir semua huruf-huruf tersebut pada keseluruhan tempat dalam al-Qur'an.

ii. Isu Permasalahan *Fiqhiyyah*

- a. al-Imām al-Nasafi bersikap lebih cenderung kepada mazhab Hanafi yang menjadi anutannya dalam mentafsirkan ayat-ayat *fiqhīyyah*. Namun begitu, beliau kadang-kadang membawa pendapat-pendapat orang lain, kemudian akhirnya beliau mentarjihkan mazhabnya sendiri.
- b. Al-Imam al-Jalālayn lebih tertutup dalam masalah ini, beliau semata-mata mentafsir ayat-ayat hukum tadi mengikut mazhabnya iaitu al-Syafī'iyyah. Kadang-kadang ada juga dibawa pandangan orang lain sekadar menunjukkan bahawa masalah itu berlaku perbezaan pandangan sahaja.

iii. Isu *Asbab al-Nuzul*

Dalam konteks *Asbāb al-Nuzūl* penulis mendapati kedua-dua tafsir ini tetap memberikan keutamanan kepadanya. Cuma daripada segi persembahannya agak kurang memuaskan, kerana masing-masing tidak menyebut *sanad* atau perawinya. Kadang-kadang sesuatu sebab *nuzul* diringkaskan teksnya sekadar untuk memahami ayat berkenaan sahaja. Namun begitu, sebab-sebab *nuzul* itu masih dapat dirujuk kepada sumbernya daripada kitab *Asbāb al-Nuzūl* oleh al-Wāḥidī.

- iv. Isu tafsir al-Qur'an dengan *al-Hadith*
- a. al-Imam al-Nasafi ketika mentafsirkan al-Qur'an dengan al-Hadith kita dapati beliau tidak berhati-hati. Kadang-kadang dicampuradukkan antara *matan* hadith dengan huraiannya, dan kadang-kadang ditambah lafaz hadith dengan kata-katanya sendiri. Pada umumnya beliau tidak menyebut *sanad* hadith yang dibawa.
 - b. Seperti juga al-Nasafi, al-Jalālāyn tidak membawa *sanad* bagi hadith-hadith yang dibawanya. Beliau umumnya menyebut : (وَ فِي الْحَدِيثِ) begitu sahaja.
- v. Isu Riwayat *Isrā'iliyyāt*
- a. Umumnya riwayat-riwayat *isra'iliyyat* yang dibawa oleh masing-masing Mufasir tidak diberi sebarang ulasan, komentar dan ingatan.
 - b. Bagi al-Nasafi, sekiranya riwayat itu menyentuh soal akidah, seumpama kisah yang boleh menjelaskan kemaksuman seorang nabi atau rasul, maka beliau mengkritiknya dengan menyatakan penafianya. Akan tetapi sebaliknya tidak ada apa-apa komen daripada al-Jalālāyn terhadap kisah seumpama itu.

vi. Isu *Ayāt al-Šifāt* (sifat-sifat Allah)

Dalam masalah ini kita dapati kedua-dua tafsir yang dikaji, pengarangnya bertindak mentakwilkan semua ayat-ayat berhubungan dengan sifat-sifat Allah. Mereka mengambil pendekatan mazhab khalfah dalam permasalahan ini. Lebih tepat mereka masing-masing mengikut aliran *al-Asyr̄ariyyah*.

Akan tetapi dalam *Tafsīr al-Jalālayn*, khususnya al-Suyū̄i agak berbeza pandangannya dengan al-Nasafi apabila beliau tidak mentakwilkan dua sifat Allah iaitu sifat *al-Istiwa'* dan *al-Ru'yah*. Sementara lain-lain sifat adalah sama dengan al-Nasafi.

Pada umumnya dapatlah dirumuskan bahawa aspek persamaan antara dua tafsir ini adalah daripada segi *manhajnya* iaitu *manhaj tafsīr bi al-Ra'y al-Mamduh* dan bercorak *taḥlīlī* serta ringkas. Sementara perbezaanya pula adalah dari segi pendekatan masing-masing terhadap isu-isu seperti *al-Hurūf al-Muqatta'ah* dan permasalahan *fīqhīyyah*. Adapun berkenaan isu-isu *asbāb al-Nuzūl*, tafsir al-Qur'an dengan al-Hadith, riwayat *Isrā'ilīyyāt* dan *Ayāt al-Šifāt* pendektan mereka hampir sama.

B. SARANAN

Berasaskan kepada hasil kajian yang telah dicapai, maka untuk kepentingan ilmu dan kebaikan masyarakat Islam seluruhnya, maka di sini penulis ingin mencadangkan beberapa perkara sebagai berikut:

1. Ulang cetak dengan melakukan tahqiq.

Oleh kerana tafsir ini tersebar secara meluas dalam masyarakat kita, maka alangkah baiknya jika ia diulang cetak yang disertai dengan tahqiq secara ilmiah, demi menjaga para pelajar, pembaca dan guru-guru tidak terkeliru dengan beberapa fakta yang tidak jelas kebenarannya.

2. Mentakhrijkan hadith-hadith

Disebabkan hadith-hadith yang dibawa penulisnya tanpa disertai dengan *sanad* yang boleh dipercayai riwayatnya, maka eloklah hadith-hadith tersebut ditakhrij, kemudian dijelaskan sahih atau da`ifnya.

3. Buat ulasan terhadap fakta yang mengelirukan.

Oleh kerana kedua-dua kitab tafsir ini terlalu ringkas, maka ia patut diberi ulasan dan huraian oleh pihak-pihak yang berautoriti, alim ulama dan pakar dalam bidang tafsir al-Qur'an khususnya. Justeru itu, wajarlah sekiranya *Tafsir al-Jalālayn* digunakan oleh al-Syaykh Muhammad Abduh dalam kuliahnya, seperti mana dinyatakan oleh al-Zarqāni dalam tulisannya.

Sesungguhnya, tesis ini tidak akan sunyi daripada kelemahan dan kekurangan. Oleh itu, penulis sangat mengharapkan kritikan, tunjuk ajar serta cadangan daripada pemeriksa demi kesempurnaan. Kepada Allah S.W.T. penulis menyerahkan segala hasil usaha yang kerdil ini. Semoga ianya sentiasa mendapat keredaan-Nya selalu.

Amin, Ya Rabbalalamin.

Wassalam.